

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**  
**TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 27**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada KPM merancang untuk menubuhkan satu sistem ujian Bahasa Melayu seperti IELTS dan TOEFL bagi Bahasa Inggeris untuk menggalakkan pembangunan Bahasa Kebangsaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mendukung Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan diperkukuhkan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memainkan peranan penting bagi pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Satu usaha besar ke arah memartabatkan pendidikan bahasa Melayu dilaksanakan melalui Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 - 2025. Pelan ini merupakan dokumen yang menterjemahkan hala tuju pendidikan bahasa Melayu pada masa hadapan. Pelan ini juga digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang terlibat dalam pendidikan bahasa Melayu. Satu garis panduan yang lebih jelas dan terperinci telah disediakan agar semua pihak berkepentingan dapat menyumbang secara bersepadu untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai tonggak tamadun negara serta mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara.

## **NO. SOALAN: 27**

Antara inisiatif yang terkandung dalam hala tuju pendidikan bahasa Melayu tersebut adalah untuk menyediakan:

1. Kerangka Standard Bahasa Melayu;
2. Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu;
3. Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu;
4. Penubuhan Lembaga Pengiktirafan Pendidikan Bahasa Melayu;
5. Pemeraksanaan Ujian Lisan Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Menengah; dan
6. Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Syarat Mengikuti Program di Universiti.

Dalam usaha untuk memastikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan dan bahasa perpaduan, terus dikembangkan dan diperluas, KPM melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melaksanakan pelbagai program dengan kerjasama pelbagai pihak. Antara kempen dan program yang dianjurkan oleh DBP bagi memupuk semangat cinta pada bahasa kebangsaan ialah Pembinaan Bakat dan Kepakaran, Pemupukan dan Penggalakan Bahasa, Pemantauan Bahasa, Pengukuhan Dasar Bahasa, Perkhidmatan Bahasa, Penyebaran Bahasa, Audit Bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam, Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan, Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Sektor Kewangan dan Bulan Bahasa Kebangsaan.

Dalam usaha tersebut, KPM terus komited dalam melaksanakan usaha bagi menggalakkan ahli akademik, mahasiswa dan warga universiti untuk memperkaya dan memperluaskan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu.

Sekian, terima kasih.